

1981

KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA)—DATARAN LAUT DEKAT PAHANG ADALAH DI ANTARA KAWASAN BARU YANG MUNGKIN DICARIGALI OLEH PETRONAS BAGI Mencari minyak, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

LAIN-LAIN KAWASAN IALAH DATARAN LAUT DEKAT SABAH DAN SARAWAK, PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA.

BELIAU MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK HASHIM ENDUT (BN-ULU MUDA) SAMA ADA USAHA Mencarigali minyak di jalankan di NEGERI-NEGERI YANG BUKAN PENGELUAR MINYAK KETIKA INI.

DEWAN GELAK KETAWA APABILA PERDANA MENTERI MENJAWAB BAHAWA BUAT MASA INI TIDAK ADA USAHA Mencarigali minyak di KEDAH.

KEPADA SOALAN TAMBAHAN DATUK HAJI YUSUF MALIM KUNING (BN-PANTI), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN HANYA MEMBAYAR ROYALTI 5 PERATUS KEPADA NEGERI-NEGERI PENGELUAR MINYAK SAHAJA. —BERSAMBUNG 1617/AH

B572

PARLIMEN-PETRONAS 2 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SOALAN ASAL ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA ANGGARAN PENGELUARAN MINYAK PETRONAS TAHUN INI IALAH 91.3 JUTA TONG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN SETAKAT TAHUN KEWANGANNYA BERAKHIR MAC 1980, PETRONAS BEROLEH KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS CUKAI SEBANYAK \$2203.3 JUTA.

KEPADA SATU LAGI SOALAN ENCIK LEE, PERDANA MENTERI MENJELASKAN KEJAYAAN PETRONAS DALAM PEMASARAN RUNCIT BAHAN-BAHAN PETROLIAM TERMASUK MENGADAKAN 21 STESYEN 'SKID' KEMUDAHAN MINYAK PENERBANGAN DI LAPANGAN TERBANG SENAI, PULAU PINANG DAN SUBANG DAN PENJUALAN LANGSUNG KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA BESAR SEPERTI LEMBAGA LETRIK NEGARA.

DALAM MEMAJUKAN PROJEK-PROJEK BERASASKAN PETROLIAM, PETRONAS ANTARA LAIN SEDANG MEMBINA PROJEK GAS ASLI CECAIR DAN PROJEK UREA ASEAN, KEDUA-DUANYA DI BINTULU, KILANG-KILANG PENAPIS DI TRENGGANU DAN MELAKA.

PETRONAS JUGA SEDANG MENGAJAI KEMUNGKINAN MEMBINA LAIN-LAIN PROJEK PETROKIMIA SEPERTI +METHANOL+. —BERSAMBUNG 1724/AH

B573

PARLIMEN-PETRONAS 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYANGKAL DAKWAAN ENCIK LEE KAW (DAP-KLUANG) DALAM SOALAN TAMBAHAN BELIAU KONONNYA SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK YANG BESAR MENCUBAH DASAR MEREKA TIDAK MAHU LAGI MEMBINA STESYEN-STESYEN MINYAK DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETAHU BELIAU, SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN TIDAK RANCAK LAGI MEMBINA STESYEN MINYAK SEPERTI DULU KERANA KEADAAN PASARAN DAN KEKURANGAN MINYAK.

DALAM HUBUNGAN INI, PETRONAS MEMANG MERANCANG MEMBINA STESYEN-STESYENNYA SENDIRI TETAPI INI MEMAKAN MASA DAN SETAKAT SEKARANG PETRONAS HANYA DAPAT MEMBINA DUA BUAH SAHAJA.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK P. PATTO (DAP-MENCELEMBU), PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN ADA MENERIMA SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG ADUAN-ADUAN KONONNYA BERLAKU PENGELUARAN BERLEBIHAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT BESAR RAKAN KONGSI PENGELUARAN PETRONAS TANPA PENGETAHUAN PETRONAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BEBERAPA PERKARA SEPERTI YANG DIKATA OLEH ENCIK PATTO SEDANG DALAM SIRSATAN KERAJAAN DAN KINI

B576

PARLIMEN-PETRONAS 4 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK BAKRI RAIS (BN-PARIT), PERDANA MENTERI BERKATA BUAT MASA INI PETRONAS BELUM ADA KILANG PENAPIS SENDIRI DAN MENAPIS MINYAKNYA DI SINGAPURA DAN TEMPAT-TEMPAT LAIN.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), PERDANA MENTERI MENGESAHKAN ADANYA ARAHAN SUPAYA PETRONAS MENGURANGKAN PENGELUARANNYA.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-PETALING), PERDANA MENTERI JUGA MENGESAHKAN BAHAWA SEBELUM MENGURANGKAN PENGELUARANNYA TERDAPAT SATU ARAHAN SUPAYA PETRONAS MENAMBAHKAN PENGELUARANNYA.

ARAHAN ITU DIBUAT MEMANDANGKAN KETIKA ITU HARGA MINYAK TIDAK MENINGKAT DAN UNTUK MENAMBAHKAN HASIL, PENGELUARAN MINYAK MESTILAH DITAMBAH, KATA BELIAU. — BERNAMA 1739/AH
PAPA PERTAMA HARAP PAGA.....MENJAWAB SOALAN.....